

**PEKELILING PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.  
BILANGAN 4/1956.**

---

Menyambut Lelongan Tanah Penghulu dan Ketua Kampung.

Bagi menerangkan dengan lebih jelas di atas kedudukan Penghulu-penghulu dan Ketua Kampung di bawah fasal 186 Undang-undang Tanah maka perintah yang berikut telah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Besar:-

- a) Tidaklah boleh seseorang Penghulu atau isterinya menyambut sebarang lelongan tanah yang diadakan di mana-mana tempat di Negeri ini.
- b) Tidaklah boleh seseorang ketua Kampung atau isterinya menyambut sebarang lelongan tanah dalam Mukim yang mana Ketua itu memegang surat kuasa.

2. Peraturan ini tidaklah mengenai dengan lelongan tanah di bawah Fasal 46 Undang-undang Tanah yang berkait dengan Pembahagian Harta Tarekah Kecil.

t.t.  
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN  
TERENGGANU.

Bil. (8) C.L.M. 146.1955.